

**26 JUN 2018 (SELASA)**



**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS TAHUN 2018**

**PENGGAL PERTAMA**

**MESYUARAT PERTAMA (ANGKAT SUMPAH)**

---

**SHAH ALAM, 26 JUN 2018 (SELASA)**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)  
**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Tuan Amirudin bin Shari (Sungai Tua)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, D.P.M.S. (Sungai Pinang)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/I Veraman (Kota Kemuning)

Y.B. Puan Rodziah binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Ir. Izham bin Hashim (Pandan Indah)

Y.B. Datuk Abdul Rashid bin Asari,  
P.S.D., S.M.S., J.P. (Selat Klang)

Y.B. Prof Dr. Shaharuddin bin Badaruddin (Seri Setia)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Puan Haniza binti Talha, S.M.S. (Lembah Jaya)

**26 JUN 2018 (SELASA)**

Y.B. Puan Dr. Siti Mariah binti Mahmud (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Hee Loy Sian (Kajang)

Y.A.B. Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali  
S.P.M.S., S.M.S. (Bukit Antarabangsa)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Banting)

Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Klang)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Puan Dr. Daroyah binti Alwi, P.J.K. (Sementa)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Bharu)

Y.B. Tuan Dr. Idris bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Khairuddin bin Othman (Paya Jaras)  
**(Timbalan Speaker Dewan Negeri)**

Y.B. Tuan Ng. Tien Chee (Balakong)

Y.B. Tuan Hasnul bin Baharuddin, P.P.T. (Morib)

Y.B. Tuan Rajiv A/L Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Tuan Ronnie Liu Tian Khiew (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Ahmad Mustain bin Othman (Sabak)

Y.B. Tuan Harumaini bin Haji Omar, D.P.N. (Batang Kali)

Y.B. Puan Rozana binti Zainal Abidin (Permatang)

Y.B. Puan Juwairiya binti Zulkifli (Bukit Melawati)

Y.B. Tuan Mohd Shaid bin Rosli (Jeram)

Y.B. Tuan Sallehudin bin Amiruddin (Kuang)

Y.B. Tuan Mohd Sany bin Hamzan (Taman Templer)

- Y.B. Tuan Chua Wei Kiat (Rawang)
- Y.B. Tuan Muhammad Hilman bin Idham (Gombak Setia)
- Y.B. Tuan Lai Wai Chong (Teratai)
- Y.B. Tuan Edry Faizal bin Eddy Yusof (Dusun Tua)
- Y.B. Tuan Bakhtiar bin Mohd Nor (Semenyih)
- Y.B. Tuan Mazwan bin Johar (Sungai Ramal)
- Y.B. Puan Michelle Ng Mei Sze (Subang Jaya)
- Y.B. Tuan Syamsul Firdaus bin Mohamed Supri (Taman Medan)
- Y.B. Puan Lim Yi Wei (Kampung Tunku)
- Y.B. Tuan Shatiri bin Mansor (Kota Damansara)
- Y.B. Puan Jamaliah binti Jamaluddin (Bandar Utama)
- Y.B. Tuan Mohd Najwan bin Halimi (Kota Anggerik)
- Y.B. Tuan Mohd Fakhrulrazi bin Mohd Mokhtar (Meru)
- Y.B. Tuan Azmizam bin Zaman Huri (Pelabuhan Klang)
- Y.B. Tuan Leong Tuck Chee (Pandamaran)
- Y.B. Tuan Gunarajah A/L R George (Sentosa)
- Y.B. Tuan Borhan bin Aman Shah, P.J.K. (Tanjong Sepat)
- Y.B. Tuan Adhif Syan bin Abdullah (Dengkil)
- Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)
- Y.B. Dato' Mohd. Shamsudin bin Lias, D.P.M.S., J.S.M., S.S.A.  
(Sungai Burong)
- Y.B. Datuk Rosni bin Sohar, D.M.S.M., P.J.K. (Dengkil)
- Y.B. Tuan Rizam bin Ismail (Sungai Air Tawar)
- Y.B. Dato' Mohd Imran bin Tamrin, D.I.M.P. (Sungai Panjang)

**26 JUN 2018 (SELASA)**

**TIDAK HADIR  
(Dengan maaf)**

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi bin Haji Shafiei (Sungai Kandis)

**TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya, D.P.M.S., B.C.M., B.K.T., P.J.K.  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Nor Azmie bin Diron, D.P.M.S.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Haji Nik Suhaimi bin Nik Sulaiman, D.I.M.P., A.S.A.  
**Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

**PEGAWAI BERTUGAS**

Encik Mohd Khairul Ashraff Bin Radzali, P.P.T.  
**Setiausaha Bahagian Dewan**

Puan Teepah a/p Athimoolam  
**Penolong Setiausaha Dewan**

Encik Zawawi Bin Mohd. Arif  
**Penolong Setiausaha Pentadbiran**

Puan Siti Salina Binti Muftar  
**Setiausaha Pejabat**

**Bentara**

Encik Abdul Khalil bin Sabiis  
Encik Mohammad Redzuan bin Adam  
Encik Saifulnizam bin Hasmawi  
Encik Mohamad Izad Shafiq Bin Ahmad Mashudi

**Pelapor Perbahasan**

Puan Noor Syazwani Binti Abd Hamid

**(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)**

**SETIAUSAHA DEWAN :** Assalamualaikum w.b.k dan salam sejahtera. Sebelum saya memulakan majlis, terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah kepada Y.A.B. Tuan Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian kerana telah dipilih menjadi Ahli Dewan Negeri Selangor Ke-14. Selamat datang juga diucapkan kepada Yang Berbahagia isteri dan suami Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Ketua-ketua Jabatan dan sidang hadirin sekalian. Aturan urusan mesyuarat pertama dimulakan dengan bacaan doa.

**I. DOA**

**II. PROKLAMASI**

**SETIAUSAHA DEWAN :** Proklamasi Oleh OLEH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ IBNI AL-MARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ, DARJAH KERABAT (SELANGOR), DARJAH UTAMA SERI MAHKOTA NEGARA (D.M.N.), DARJAH KERABAT (TERENGGANU), DARJAH KERABAT (KELANTAN), DARJAH KERABAT (PERAK), DARJAH KERABAT (PERLIS), DARJAH KERABAT (NEGERI SEMBILAN), DARJAH KERABAT (KEDAH), DARJAH KERABAT (JOHOR), SERI PADUKA MAHKOTA SELANGOR (S.P.M.S.), DATO' SETIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH (S.S.I.S.), SERI PADUKA MAHKOTA JOHOR (S.P.M.J.), DENGAN KURNIA ALLAH, SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN SERTA SEGALA DAERAH TAKLUKNYA.

BAHAWASANYA Dewan Negeri Yang Ketiga Belas telah dibubarkan pada 9 April 2018: DAN BAHAWASANYA Fasal (4) Perkara LXX Bahagian Kedua, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959, memperuntukkan bahawa Dewan Negeri hendaklah dipanggil bermesyuarat pada suatu tarikh yang tidak lewat daripada sembilan puluh hari dari tarikh itu:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, BETA, SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ IBNI AL-MARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ, DARJAH KERABAT (SELANGOR), DARJAH UTAMA SERI MAHKOTA NEGARA (D.M.N.), DARJAH KERABAT (TERENGGANU), DARJAH KERABAT (KELANTAN), DARJAH KERABAT (PERAK), DARJAH KERABAT (PERLIS), DARJAH KERABAT (NEGERI SEMBILAN), DARJAH KERABAT (KEDAH), DARJAH KERABAT (JOHOR), SERI PADUKA MAHKOTA SELANGOR (S.P.M.S.), DATO' SETIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH (S.S.I.S.), SERI PADUKA MAHKOTA JOHOR (S.P.M.J.), DENGAN KURNIA ALLAH, SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN SERTA SEGALA DAERAH TAKLUKNYA, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada BETA di bawah Perkara LXX Bahagian Kedua, Undang-Undang Tubuh Kerajaan

## 26 JUN 2018 (SELASA)

Selangor 1959, DENGAN INI MEMANGGIL Dewan Negeri untuk bermesyuarat dan menetapkan 26 Jun 2018 (Selasa) dan pukul 10.00 pagi sebagai tarikh dan waktu bagi Mesyuarat Pertama Penggal Pertama Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Yang Keempat Belas yang akan diadakan di Dewan Negeri Selangor, Shah Alam.

DIPERBUAT di Istana Alam Shah, Klang pada 28 hari bulan Mei 2018.

Dengan Titah Perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

### III. MEMILIH TUAN SPEAKER

**SETIAUSAHA DEWAN:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, di dalam pemilihan Speaker, Peraturan 4, Peraturan-peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor menyebutkan:-

“Tiap-tiap Ahli yang hendak mencadangkan nama Ahli yang hendak dipilih menjadi Tuan Speaker, hendaklah memastikan terlebih dahulu iaitu Ahli itu suka berkhidmat jika ia dipilih dan juga hendaklah memberitahu kepada Setiausaha Dewan sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum mesyuarat.”

Ahli-ahli Yang Berhormat, berpandukan peraturan tersebut, saya telah pun mengeluarkan pemberitahuan serta mengedarkan borang pencalonan bagi memilih Tuan Speaker kepada semua Ahli Yang Berhormat untuk membuat pencalonan. Dengan ini sukacita saya memaklumkan bahawa saya telah menerima pencalonan untuk memilih Speaker dan calon berkenaan telah pun memberikan persetujuan untuk sedia berkhidmat jika dipilih. Dengan hormatnya saya menjemput Y.A.B. Tuan Amirudin bin Shari, Ahli Dewan Negeri Selangor Kawasan Sungai Tua untuk mengemukakan Usul pemilihan tersebut.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Setiausaha Dewan, saya dengan sukacitanya mencadangkan supaya Y.B. Tuan Ng Suee Lim, Ahli Dewan Negeri Kawasan Sekinchan dipilih menjadi Speaker.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Tuan Setiausaha Dewan, saya menyokong.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Ahli-ahli Yang Berhormat, cadangan ini telah disokong. Mengikut Peraturan Tetap 4 (2) dan (3), Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, dengan ini saya memasyhurkan Y.B. Tuan Ng Suee Lim menjadi Speaker Dewan Negeri Selangor Keempat Belas.

Diminta Bentara Dewan untuk mempersilakan Y.B. Tuan Ng Suee Lim, Ahli Dewan Negeri Kawasan Sekinchan mengangkat sumpah dan menandatangani surat sumpah

**26 JUN 2018 (SELASA)**

jawatan sebagai Speaker di bawah Peraturan Tetap 1(b) dan menandatangani Surat Sumpah sebagai Ahli Dewan di bawah Peraturan Tetap 5(1) Peraturan-peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor.

(2 kali mengangkat sumpah, dimulakan dengan sumpah ADN dan kemudian sumpah Speaker).

#### **IV. SPEAKER MENGANGKAT SUMPAH DAN MENANDATANGANI SURAT SUMPAH**

**SETIAUSAHA DEWAN** : Saya mempersilakan Yang Berhormat Tuan Ng Suee Lim untuk mengangkat sumpah dan menandatangani surat sumpah jawatan sebagai Ahli Dewan Negeri dan Speaker.

#### **[ SETELAH SELESAI MENANDATANGANI SURAT SUMPAH ]**

(Setiausaha Dewan bangun mengambil jubah Speaker dan memakaikannya kepada Speaker serta mengiringi ke tempat duduk yang dikhaskan untuknya).

#### **[ SETELAH TAMAT UPACARA TERSEBUT ]**

**SETIAUSAHA DEWAN** : Ahli-ahli Yang Berhormat dan para hadirin sekalian, apabila saya menyebut Tuan Speaker, para hadirin sekalian hendaklah bangun untuk memberi hormat.

#### **“ TUAN SPEAKER “**

**SETIAUSAHA DEWAN** : Ahli-ahli Yang Berhormat, sekianlah Aturan Urusan memilih Speaker Dewan. Dengan ini saya menyerahkan majlis kepada Yang Berhormat Tuan Speaker.

#### **MEMILIH TIMBALAN SPEAKER DEWAN**

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mengikut Fasal (2A) Perkara LXXI (71) Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor 1959, Dewan Negeri bolehlah dari semasa ke semasa memilih seorang ahlinya menjadi Timbalan Speaker. Peraturan memilih Timbalan Speaker adalah mengikut Peraturan Tetap 5A (1) dan (2), Peraturan-Peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor. Setiausaha Dewan telah pun mengedarkan borang pencalonan bagi pemilihan Timbalan Speaker dan telah menerima pencalonan untuk memilih Timbalan Speaker.

Calon berkenaan telah pun memberikan persetujuan sedia berkhidmat sekiranya dipilih. Dengan ini saya menjemput Yang Berhormat Dato' Teng Chang Khim, Ahli Dewan Negeri Kawasan Bandar Baru Klang untuk mengemukakan cadangannya.



**26 JUN 2018 (SELASA)**

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Tuan Speaker, saya dengan sukacitanya ingin mencadangkan supaya Yang Berhormat Tuan Khairuddin bin Othman, Ahli Dewan Negeri Kawasan Paya Jaras dipilih menjadi Timbalan Speaker Dewan.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN :** Tuan Speaker, saya dengan sukacitanya menyokong cadangan tersebut.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan ini telah pun disokong. Mengikut Fasal (2A) Perkara LXXI (71) Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor 1959 dan Peraturan-Peraturan Tetap 5A (1) dan (2), Peraturan-Peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor. Dengan ini saya sukacita memasyhurkan Yang Berhormat Tuan Khairuddin bin Othman, Ahli Dewan Negeri Kawasan Paya Jaras dipilih sebagai Timbalan Speaker Dewan.

**[ TIMBALAN SPEAKER MENGANGKAT SUMPAAH DAN MENANDATANGANI SURAT SUMPAAH ]**

**SETIAUSAHA DEWAN :** Dengan hormatnya saya mempersilakan Yang Berhormat Tuan Khairuddin bin Othman, Ahli Dewan Negeri Kawasan Paya Jaras untuk mengangkat sumpah dan menandatangani surat sumpah jawatan sebagai Ahli Dewan Negeri dan Timbalan Speaker.

**[ SETELAH SELESAI TIMBALAN SPEAKER MENGANGKAT DAN MENANDATANGANI SURAT SUMPAAH ]**

**VII. AHLI-AHLI DEWAN NEGERI MENGANGKAT SUMPAAH DAN MENANDATANGANI SURAT SUMPAAH**

**SETIAUSAHA DEWAN :** Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya ialah upacara mengangkat sumpah dan menandatangani Surat Sumpah oleh Ahli-ahli Dewan yang baru dilantik. Saya akan memanggil nama Ahli-ahli Yang Berhormat dan diminta Ahli Yang Berhormat yang telah dipanggil nama bersedia untuk mengangkat sumpah dan menandatangani surat sumpah seorang demi seorang mengikut giliran.

Saya mempersilakan :-

(1) Yang Amat Berhormat Tuan Amirudin Bin Shari, Ahli Dewan Negeri Kawasan Sungai Tua tampil ke hadapan untuk mengangkat sumpah dan menandatangani Surat Sumpah. Diikuti dengan Yang Berhormat Dato' Teng Chang Khim, Ahli Dewan Negeri Kawasan Bandar Baru Klang, Yang Berhormat Tuan Ganabatirau A/L Veraman, Ahli Dewan Negeri Kawasan Kota Kemuning, dan Yang Berhormat Puan Rodziah binti Ismail, Ahli Dewan Negeri Kawasan Batu Tiga.

**[SETELAH SELESAI MENANDATANGANI SURAT SUMPAH]**

(2) Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Puan Dr Siti Mariah binti Mahmud, Ahli Dewan Negeri Kawasan Seri Serdang, diikuti Yang Berhormat Tuan Izham bin Hashim, Ahli Dewan Negeri Kawasan Pandan Indah dan Yang Berhormat Puan Haniza Binti Mohamed Talha, Ahli Dewan Negeri Kawasan Lembah Jaya.

**[SETELAH SELESAI MENANDATANGANI SURAT SUMPAH]**

(3) Dipersilakan Yang Berhormat Datuk Abdul Rashid Bin Asari, Ahli Dewan Negeri Kawasan Selat Klang, diikuti Yang Berhormat Tuan Ng Sze Han, Ahli Dewan Negeri Kawasan Kinrara, Yang Berhormat Prof. Dr. Shaharuddin bin Badaruddin, Ahli Dewan Negeri Kawasan Seri Setia dan Yang Berhormat Tuan Hee Loy Sian, Ahli Dewan Negeri Kawasan Kajang

**[SETELAH SELESAI MENANDATANGANI SURAT SUMPAH]**

(4) Dipersilakan Yang Berhormat Puan Elizabeth Wong Keat Ping, Ahli Dewan Negeri Kawasan Bukit Lanjan, diikuti Yang Berhormat Tuan Ean Yong Hian Wah, Ahli Dewan Negeri Kawasan Seri Kembangan, Yang Berhormat Puan Dr Daroyah Binti Alwi, Ahli Dewan Negeri Kawasan Sementa, dan Yang Berhormat Tuan Ronnie Liu Tian Khiew, Ahli Dewan Negeri Kawasan Sungai Pelek.

**Tuan Speaker :** Yang Berhormat, saya minta sekali lagi angkat tangan.

**[SETELAH SELESAI MENANDATANGANI SURAT SUMPAH]**

(5) Dipersilakan Yang Berhormat Tuan Muhammad Hilman Bin Idham, Ahli Dewan Negeri Kawasan Gombak Setia, diikuti Yang Berhormat Puan Jamaliah Binti Jamaluddin, Ahli Dewan Negeri Kawasan Bandar Utama dan Yang Berhormat Puan Michelle Ng Mei Sze, Ahli Dewan Negeri Kawasan Subang Jaya

**[SETELAH SELESAI MENANDATANGANI SURAT SUMPAH]**

(6) Dipersilakan Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali, Ahli Dewan Negeri Kawasan Bukit Antarabangsa diikuti oleh Yang Berhormat Tuan Lau Weng San, Ahli Dewan Negeri Kawasan Banting, dan Yang Berhormat Tuan Dr Idris bin Ahmad, Ahli Dewan Negeri Kawasan Ijok dan Yang Berhormat Tuan Hasnul Bin Baharuddin, Ahli Dewan Negeri Kawasan Morib

**[SETELAH SELESAI MENANDATANGANI SURAT SUMPAH]**

(7) Dipersilakan diikuti oleh Yang Berhormat Puan Lee Kee Hiong, Ahli Dewan Negeri Kawasan Kuala Kubu Baharu, Yang Berhormat Puan Lim Yi Wei, Ahli Dewan Negeri Kawasan Kampung Tunku, Yang Berhormat Tuan Mohd Najwan Bin Halimi, Ahli

Dewan Negeri Kawasan Kota Anggerik dan Yang Berhormat Puan Rozana binti Zainal Abidin, Ahli Dewan Negeri Kawasan Permatang

**[SETELAH SELESAI MENANDATANGANI SURAT SUMPAH]**

(8) Dipersilakan Yang Berhormat Tuan Saari bin Sungib, Ahli Dewan Negeri Kawasan Hulu Kelang, diikuti Yang Berhormat Tuan Rajiv A/L Rishyakaran, Ahli Dewan Negeri Kawasan Bukit Gasing dan Yang Berhormat Tuan Ng Tien Chee, Ahli Dewan Negeri Kawasan Balakong diikuti Yang Berhormat Puan Juwairiya binti Zulkifli, Ahli Dewan Negeri Kawasan Bukit Melawati,

**[SETELAH SELESAI MENANDATANGANI SURAT SUMPAH]**

(9) Dipersilakan Yang Berhormat Tuan Mohd Shaid Bin Rosli, Ahli Dewan Negeri Kawasan Jeram, diikuti Yang Berhormat Tuan Sallehudin bin Amiruddin, Ahli Dewan Negeri Kawasan Kuang dan Yang Berhormat Tuan Chua Wei Kiat, Ahli Dewan Negeri Kawasan Rawang.

**[SETELAH SELESAI MENANDATANGANI SURAT SUMPAH]**

(10) Dipersilakan Yang Berhormat Dato' Dr Ahmad Yunus Bin Hairi, Ahli Dewan Negeri Kawasan Sijangkang, diikuti Yang Berhormat Dato' Mohd Shamsudin bin Lias, Ahli Dewan Negeri Kawasan Sungai Burong, Yang Berhormat Dato' Mohd Imran bin Tamrin, Ahli Dewan Negeri Kawasan Sungai Panjang, Yang Berhormat Tuan Rizam bin Ismail, Ahli Dewan Negeri Kawasan Sungai Air Tawar, dan Yang Berhormat Tuan Mohd Sany bin Hamzan, Ahli Dewan Negeri Kawasan Taman Templer

**[SETELAH SELESAI MENANDATANGANI SURAT SUMPAH]**

(11) Dipersilakan Yang Berhormat Datuk Rosni binti Sohar, Ahli Dewan Negeri Kawasan Hulu Bernam, diikuti Yang Berhormat Tuan Lai Wai Chong, Ahli Dewan Negeri Kawasan Teratai, Yang Berhormat Tuan Edry Faizal bin Eddy Yusof, Ahli Dewan Negeri Kawasan Dusun Tua dan Yang Berhormat Tuan Bakhtiar bin Mohd Nor, Ahli Dewan Negeri Kawasan Semenyih

**[SETELAH SELESAI MENANDATANGANI SURAT SUMPAH]**

(12) Dipersilakan Yang Berhormat Tuan Mazwan bin Johar, Ahli Dewan Negeri Kawasan Sungai Ramal diikuti Yang Berhormat Tuan Shatiri bin Mansor, Ahli Dewan Negeri Kawasan Kota Damansara, Yang Berhormat Tuan Syamsul Firdaus bin Mohamed Supri, Ahli Dewan Negeri Kawasan Taman Medan dan Yang Berhormat Tuan Mohd Fakhrurazi bin Mohd Mokhtar, Ahli Dewan Negeri Kawasan Meru

**[SETELAH SELESAI MENANDATANGANI SURAT SUMPAH]**

**26 JUN 2018 (SELASA)**

(13) Dipersilakan Yang Berhormat Tuan Azmizam bin Zaman Huri, Ahli Dewan Negeri Kawasan Pelabuhan Klang, diikuti Yang Berhormat Tuan Leong Tuck Chee, Ahli Dewan Negeri Kawasan Pandamaran, Yang Berhormat Tuan Gunarajah A/L R George, Ahli Dewan Negeri Kawasan Sentosa dan Yang Berhormat Tuan Borhan bin Aman Shah, Ahli Dewan Negeri Kawasan Tanjung Sepat

**[SETELAH SELESAI MENANDATANGANI SURAT SUMPAAH]**

(14) Dipersilakan Yang Berhormat Tuan Adhif Syan bin Abdullah, Ahli Dewan Negeri Kawasan Dengkil, diikuti Yang Berhormat Tuan Ahmad Mustain bin Othman, Ahli Dewan Negeri Kawasan Sabak, dan Yang Berhormat Tuan Harumaini bin Haji Omar, Ahli Dewan Negeri Kawasan Batang Kali

**[ SETELAH SELESAI SEMUA LIMA PULUH EMPAT (54) YANG**

**BERHORMAT MENGANGKAT SUMPAAH DAN MENDATANGANI SURAT SUMPAAH ]**

**SETIAUSAHA DEWAN** : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya ialah Usul Penangguhan Dewan.

**VIII. PENANGGUHAN**

**TUAN SPEAKER** : Oleh sebab Aturan Urusan Mesyuarat hari ini telah pun selesai, sekarang saya mempersilakan Y.A.B. Dato' Menteri Besar untuk membawa usul bagi menangguhkan Dewan pada hari ini. Dipersilakan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum saya membawa usul untuk menangguhkan Dewan, bagi pihak Ahli-ahli Dewan Negeri, kami mengucapkan syabas dan tahniah kepada Tuan Speaker dan Timbalan Speaker yang baru dilantik. Kita percaya di bawah pimpinan Yang Berhormat Tuan Speaker yang baru, perjalanan Persidangan Dewan ini akan berjalan dengan lancar. Saya juga mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun mengangkat sumpah. Mudah-mudahan dengan sempurnanya urusan mengangkat sumpah ini, maka kita sudah pun bersedia untuk memikul amanah, tanggungjawab dan kepercayaan yang telah diberikan rakyat pada pilihan raya ke – 14 yang lalu.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, dengan Majlis Angkat Sumpah pada hari ini, maka secara rasminya seluruh Ahli-ahli Yang Berhormat merupakan ahli-ahli dalam dewan yang istimewa ini. Kita mewarisi satu sistem *Westminster Democracy* yang mempunyai karakter-karakternya yang tersendiri. Sistem ini telah bertapak lebih 1170 tahun dan telah diamalkan di negara kita sejak dari pembinaan dan juga kemerdekaan negara kita. Beberapa elemen dalam *Westminster Democracy* seperti ketua kerajaan iaitu Institusi Raja-raja seperti Ketua Kerajaan ataupun Ketua Negeri Institusi Raja-raja,

**26 JUN 2018 (SELASA)**

Ketua Kerajaan Ahli-ahli Eksekutif Kerajaan Negeri, pegawai-pegawai atau pun penjawat awam negeri yang bersifat *non partition* dan *impartial*, pembangkang selaku *check and balance* dalam Dewan Negeri ini, sidang dewan dan beberapa keistimewaan-keistimewaan yang diperolehi Ahli Dewan harus kita pertahankan dengan konsisten dan bersepadu.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, justeru saya mengharapkan kepada semua Ahli-ahli Dewan pada hari ini supaya belajar dan mendalami fungsi-fungsi dan tugas selaku Ahli Dewan agar kita dapat memartabatkan Dewan kita dan dipandang mulia. Di samping kita mempertahankan integriti kita setelah dipilih dan diberikan amanah oleh rakyat. Saya lihat begitu ramai Ahli-ahli Dewan yang baru, ada sebahagiannya tidak berkesempatan berkhidmat dalam pentadbiran, sebahagiannya berkhidmat dalam Ahli-ahli Majlis atau pun Majlis-majlis Tempatan. Ada tugas dan fungsi berbeza daripada sebelum ini. Setiap butir kata, perbuatan, tingkah laku kita di dalam Dewan akan termaktub di dalam hansard dan hansard itu akan terekod dalam sejarah dan boleh disemak oleh generasi yang akan datang.

Justeru saya sangat mengharapkan dalam penggal ini semua termasuk saya dan seluruh Ahli-ahli Dewan dapat melaksanakan tugas dengan baik, beramanah di samping menjaga semua kriteria-kriteria yang saya sebutkan termasuk pakaian, tingkah laku, bahasa, adab dan perilaku sepanjang Dewan ini kerana Dewan mulia ini harus kita pertahankan bersama-sama selaku Ahli Dewan.

InsyaAllah Dewan ini akan bertindak adil kepada semua termasuk kepada barisan rakan-rakan pembangkang kerana semenjak dari penggal lepas kita telah memberikan beberapa keistimewaan-keistimewaan dan ruangan-ruangan kepada pembangkang kerana kita mahu semua Ahli Dewan berfungsi untuk memastikan pihak Kerajaan khususnya eksekutif Kerajaan negeri dapat berfungsi dengan baik dan dapat ditegur jika berlaku sebarang kesilapan-kesilapan yang dilaksanakan.

Akan ada tujuh Jawatankuasa Tetap seperti Jawatankuasa Hak dan Kebebasan seperti Public Account Community (Jawatankuasa Kira-kira Awam Negeri) dan beberapa Jawatankuasa lain. Saya berharap semua Ahli-ahli Dewan dapat terlibat dalam Jawatankuasa-jawatankuasa yang ditubuhkan kerana melalui Jawatankuasa inilah setiap Ahli Dewan akan bertindak menjadi penggubal dasar untuk memastikan kita bukan *rubberstamp* ataupun menetapkan sebarang keputusan-keputusan yang dibuat oleh Kerajaan. Dewan ini bertambah hebat dan bertambah mulia.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, bila saya melihat dan mengamati rupa-rupanya dalam Dewan ini di samping sepuluh Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ex-Officio di kalangan Setiausaha Kerajaan Negeri, Pegawai Kewangan dan Pegawai Undang-undang dalam masa yang sama kita ada lima mantan EXCO Kerajaan Negeri yang

**26 JUN 2018 (SELASA)**

telah berfungsi sebagai Ahli Dewan Negeri. Sudah pasti mereka akan mencabar dan mampu memberikan satu saranan-saranan yang baik. Lebih istimewa Dewan ini juga mempunyai seorang bekas Menteri Besar yang sekarang juga merupakan Menteri Kabinet Kerajaan Persekutuan. Ini merupakan satu pengiktirafan dan saya kira kalau saya lihat dalam rekod sejarah Dewan Negeri Selangor mencatat sejarah kali pertama mempunyai Menteri Kabinet dalam Dewan Negeri Selangor. Senyumannya manis tapi pasti pengalamannya yang lepas, tegurannya sangat berbisa. Ahli-ahli Dewan sekalian, begitu juga kita mempunyai beberapa bekas Ahli-ahli Parlimen yang terlibat namun begitu InsyaAllah kita akan berfungsi dengan baik, terlibat dengan baik dan bersidang dengan baik dan marilah kita muliakan Dewan kita sesuai dengan selalu kita sebutkan “Dewan Yang Mulia, Dewan Yang Mulia”

Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian, dengan sukacitanya saya mengusulkan supaya Persidangan Dewan hari ini ditangguhkan. Terima kasih.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan ini telah pun disokong. Sebelum Dewan ditangguhkan, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memilih saya sebagai Tuan Speaker Dewan yang mulia ini. Tidak ketinggalan juga ucapan tahniah saya kepada Timbalan Speaker dan semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah dipilih menjadi Ahli Dewan Negeri Selangor yang baru.

Saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat semua dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagai Ahli Dewan Negeri dengan sebaik mungkin demi kemajuan dan kecemerlangan Negeri Selangor seluruhnya. Saya memberi jaminan bahawa saya akan bersikap adil kepada semua ahli Yang Berhormat tanpa mengira fahaman politik dan saya akan memberikan ruang yang secukupnya untuk berbahas. Masa dalam sidang Dewan harus digunakan sebaik mungkin untuk membahaskan dan mengetengahkan isu sebenar yang melibatkan rakyat negeri Selangor. Kami berada di sini kerana kepercayaan yang telah diberikan oleh mereka dan di sinilah kami berkhidmat untuk mereka.

Saya juga berharap Ahli-ahli Yang Berhormat semua dapat memberikan kerjasama sepenuhnya kepada saya semasa menjalankan tugas sebagai Speaker. Sesungguhnya sebagai seorang Speaker, saya memerlukan kerjasama semua khususnya daripada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor, Yang Berhormat Ketua Pembangkang dan juga kakitangan Dewan Negeri Selangor yang mulia ini.

Akhir sekali, ucapan terima kasih kepada Mantan Tuan Speaker dan Mantan Timbalan Speaker yang telah menjalankan tugas mereka dengan adil dan penuh berwibawa.

**26 JUN 2018 (SELASA)**

Pencapaian cemerlang mereka selama 5 tahun yang lalu akan saya jadikan sebagai petunjuk dan perangsang untuk terus memajukan Dewan yang mulia ini.

Dengan ini saya menangguhkan Persidangan Dewan hari ini. Sekian terima kasih.

**( Dewan ditangguhkan pada jam 12.00 tengah hari )**